

## **Abstract**

In this study, the researcher has made an attempt to investigate the language choice of Sino-Malay mixed marriage families residing in Subang Jaya, Selangor, Malaysia. The study hopes to look for any existing patterns to indicate if these families are shifting from the native tongues existing at home, namely, Malay and Chinese, to another language due to their choice of language for selected domains and perception towards the mother tongues. In this study, participants consisted of sixteen (16) Sino-Malay mixed-marriage families of which the fathers are all Malay and mothers are all of Chinese descent.

The theoretical framework of the study is based on Fishman's (1972) - Domain Analysis Theory. In line with this model, a domain analysis questionnaire and a language use-choice questionnaire have been administered to these families. Interviews were conducted with the children of these Sino-Malay families to obtain the perceptions of the participants towards their parents' mother tongues. The findings indicate the parents' have a more positive attitude towards their mother tongues. It was found that the children of Sino-Malay mixed marriage tend to shift from their parents' mother tongues to the language that they prefer. The findings also reveal that language choice with these Sino-Malay families is influenced by factors such as setting, use of English at home and perception or attitudes towards the language.

## **Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dan penggunaan bahasa dalam kalangan keluarga perkahwinan campuran Cina-Melayu yang menetap di Subang Jaya, Rentetan itu, kajian ini cuba mengenal pasti pemilihan bahasa dalam domain-domain terpilih dan persepsi tentang bahasa ibunda iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Cina dalam keluarga perkahwinan campuran Cina-Melayu.. Kajian ini juga berusaha untuk mengenal pasti sama ada keluarga perkahwinan campuran Cina-Melayu ini sedang mengalami proses perpindahan bahasa ibunda mereka kepada penggunaan bahasa yang lain.

Sebanyak 16 buah keluarga perkahwinan campuran Cina-Melayu telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan Teori Analisa Domain yang telah diperkenalkan oleh Fishman (1972). Kajian ini menggunakan kaedah gabungan yang terdiri daripada soal-selidik yang berkaitan pemilihan dan penggunaan bahasa dalam domain-domain terpilih serta soal selidik berkaitan sikap atau persepsi peserta-peserta kajian terhadap bahasa ibunda mereka. Interview juga telah dijalankan dalam kalangan anak-anak hasil perkahwinan campuran Cina-Melayu.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa ibu bapa dalam keluarga perkahwinan campuran menunjukkan sikap positif terhadap pemertahanan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu dan bahasa Cina. Walau bagaimanapun kajian mendapati kecenderungan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan anak-anak hasil perkahwinan Cina-Melayu lebih tercondong kepada bahasa Inggeris. Kecenderungan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan anak-anak tersebut adalah disebabkan persekitaran, penggunaan bahasa Inggeris di rumah dan di sekolah dan sikap serta persepsi terhadap bahasa tersebut.